

Penerapan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dalam Pembangunan Strategik di Institusi Pengajian Tinggi Islam Swasta: Satu Kajian Awal di KIAS

The Implementation of Rabbani Kelantan Education Policy in Strategic Development in Private Islamic Higher Education Institutions: A Preliminary Study at KIAS

Rahim Kamarul Zaman¹, Mujiburrahman Muhammad Saleh² & Nur Shahidah Ab Hamid³

¹ (Corresponding Author) Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: abdulrahimkz51@gmail.com.

² Independent Researcher, M&S Muamalat Academy. e-mail: mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com.

³ Department of al-Syariah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: nurshahidahhamid@gmail.com

ABSTRAK

Setelah lebih dua dekad pelaksanaan Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diperkenalkan pada tahun 1990, Kerajaan Negeri Kelantan telah melancarkan Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) sebagai pelan pengukuhan. Dasar MMBI adalah perancangan bersepadu bagi memastikan persoalan teras cara hidup warga Kelantan bertambah mantap berpandukan prinsip hidup beragama. Melaluinya, digagaskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) pada 25 Februari 2018 bagi membentuk kemenjadian insan mulia, selari dengan prinsip *'Ubūdiyyah, Mas'ūliyyah* dan *Itqān*. Sehubungan itu, makalah ini dikemukakan sebagai kajian awal terhadap inisiatif penerapan DPRK dalam pembangunan strategik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Islam swasta. Fokusnya tertumpu kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) yang bernaung di bawah Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam konteks ini, KIAS merupakan prospek harapan meneraju pembangunan pendidikan tinggi berteraskan falsafah DPRK. Berdasarkan metode analisis tekstual, kajian ini mendapati pelaksanaan agenda DPRK dalam pembangunan pendidikan di KIAS berpotensi dimartabatkan sebagai model institusi pengajian tinggi yang komited melahirkan generasi rabbani. Kesimpulannya, orientasi DPRK di KIAS dilihat berupaya menyumbang kepada usaha pembangunan pendidikan holistik bagi membangunkan modal insan yang diperlukan negara dan ummah.

Kata Kunci: Pembangunan Pendidikan; Institusi Pengajian Tinggi; KIAS; Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan

ABSTRACT

After more than two decades of implementation of the Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) which was promulgated in 1990, the Kelantan State Government has launched the Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) as a strengthening plan. The MMBI policy is an integrated plan to ensure that the core questions of the way of life of Kelantanese become more robust based on the principles of religious life. Through it, the Rabbani Kelantan Education Policy (DPRK) was initiated on 25 February 2018 to produce a superior generation, as a manifestation of the concepts of 'Ubūdiyyah (worship), Mas'ūliyyah (responsibility) and Itqān (precision). In view of that, this paper is presented as a preliminary study on the implementation of DPRK initiatives in strategic development in private Islamic Higher Education Institutions. The focus is on Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS) under the patronage of the Kelantan State Government. In this context, KIAS is a hopeful prospect leading the development of higher education based on the philosophy of the DPRK. Based on the method of textual analysis, this study found that the implementation of the DPRK agenda in the development of education at KIAS has the potential to be dignified as a model of a higher education institution that is committed to producing a Rabbani generation. In conclusion, the orientation of the DPRK at KIAS is seen to be able to contribute to the development of holistic education to build the human capital needed by the country and the community.

Keywords: *Educational Development; Higher Education Institutions; KIAS; Rabbani Kelantan Education Policy*

1. Pendahuluan

Dasar Membangun Bersama Islam (DMBI) yang telah diperkenalkan Kerajaan Negeri Kelantan bermula tahun 1990 merupakan gagasan manifesto Parti Islam Semalaysia (PAS) Kelantan dalam Pilihanraya Umum Malaysia ke-8. Manifesto berkenaan bertemakan “Membangun Bersama Islam” (Mohamad et al. 2016). Berdasarkan takrifannya, DMBI mengutamakan konsep pembangunan holistik yang selari dengan nilai-nilai Islam, mengutamakan aspek kemanusiaan, pemantapan ketaatan kepada agama serta tidak memudaratkan keperibadian manusia, bagi mencapai keredaan Allah (Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1995).

Melalui DMBI, Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan pelbagai agenda pembangunan insan secara holistik. Hal ini kerana, gagasan DMBI didasari prinsip UMI: *‘Ubūdiyyah* (Ibadah), *Masūliyyah* (tanggungjawab) dan *Itqān* (ketepatan) (Nawi, 2018). Prinsip ini merupakan teras utama dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan, sehingga menjadi kelaziman Almarhum mantan Menteri Besar Kelantan, Dato’ Bentara Setia Tuan Guru Nik Abdul Aziz membicarakannya ketika menyentuh aspek tadbir

urus negeri Kelantan (Jawatankuasa Induk UMI 2020; Yussof, 2015). Sepanjang 30 tahun pelaksanaannya, DMBI terbukti berjaya menghasilkan impak positif terhadap lanskap pembangunan insan di negeri Kelantan (Mohamad & Adnan, 2016).

Dalam konteks pembangunan pendidikan, DMBI telah diperhalusi pada tahun 1993 melalui rangka kerja pembangunan dasar-dasar khusus setiap portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan. Secara khusus, agenda pembangunan pendidikan disenaraikan dalam lima skop utama yang diberikan tumpuan. Hasilnya, Maahad Dakwah wal Imamah (MDI) telah ditubuhkan pada tahun 1994 (Yaakob & Hamat, 2003; Idris, 1998). Kemudiannya, aspirasi penubuhan MDI telah distruktur semula dalam bentuk lebih dinamik sehingga membawa kepada penubuhan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) pada 24 Ogos 1999 (Yaakob & Hamat, 2003; Mohamad, Adnan & Yusoff, 2016; Nik Mat, 1995). Terkini, pada 25 Februari 2018 Kerajaan Negeri Kelantan telah melancarkan Dokumen Rujukan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) sebagai kesinambungan proses pengukuhan aspirasi pembangunan pendidikan Islam di negeri Kelantan sejak tahun 1993 (Umar et al. 2020; Yaacob Yusoff 2017).

Justeru itu, kajian ini dikemukakan sebagai kajian awal terhadap inisiatif penerapan DPRK dalam pembangunan strategik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Islam swasta. Fokusnya tertumpu kepada usaha manifestasi DPRK di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Berdasarkan agenda pelaksanaan DPRK peringkat negeri Kelantan, KIAS tersenarai sebagai sebahagian platform utama bagi tujuan pemaduan, koordinasi dan pemodelan. Hasil kajian mendapati pemilihan KIAS sebagai prospek harapan meneraju pembangunan pendidikan tinggi berteraskan falsafah DPRK adalah signifikan dengan statusnya sebagai institusi pengajian tinggi Islam utama di bawah naungan Kerajaan Negeri Kelantan.

2. Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK)

Setelah 24 tahun pelaksanaan DMBI, Kerajaan Negeri Kelantan telah melancarkan Pelan Strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI) pada 6 Mei 2014 sebagai langkah mengukuhkan DMBI. Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob menyatakan dasar MMBI adalah sebuah perancangan program bersepadu bagi memacu pemantapan persoalan teras cara hidup rakyat Kelantan dengan berorientasikan prinsip hidup beragama (Mohamad, Adnan & Yusoff, 2016).

Hasil pelancaran dasar MMBI, Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) pada 8 November 2015 (Yaacob Yusoff 2017). Platform ILPK berfungsi sebagai urusetia pelaksana Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Kerajaan Negeri Kelantan. Sehubungan itu, Dato' Dr.

Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan telah mengagaskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK). Kandungan DPRK terdiri daripada 9 prinsip pendidikan Rabbani dan 46 amalan terbaik yang menjadi elemen teras pelaksanaannya (Umar et al. 2020). Tuntasnya, 9 prinsip DPRK dapat difahami sebagaimana Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Utama Prinsip DPRK

PRINSIP DPRK		
	Prinsip (P)	Keterangan
P1	Ilmu Bermatlamatkan Allah	Ilmu yang dituntut adalah berteraskan dan terarah kepada Allah.
P2	Keutamaan Ilmu & Kefaqihan	Pendidikan yang menjurus ke arah melahirkan individu yang memahami tingkatan keutamaan ilmu dan mencapai tahap kepakaran dalam bidangnya.
P3	Kemenjadian Insan Mulia	Mendidik individu ke arah pembentukan peribadi beradab dan berakhlak mulia.
P4	Pengamalan & Penyebaran Ilmu	Menterjemahkan ilmu dalam kehidupan seharian serta menyebarkanluaskannya kepada yang lain
P5	Pembelajaran & Pengkajian Berterusan	Meningkatkan ilmu, kemahiran dan membudayakan kajian secara berterusan
P6	Pembangunan & Pengislahan Masyarakat	Mendidik individu ke arah membangunkan masyarakat dan melakukan islah.
P7	Kebersamaan Tanggungjawab	Individu yang menyedari sifat kebertanggungjawaban dalam membangunkan diri dan masyarakat secara bersama
P8	Bertepatan Realiti Semasa	Pendidikan yang melahirkan individu yang peka terhadap perkembangan terkini yang bergerak seiring dengan acuan Islam
P9	Kelestarian Ilmu	Kualiti pendidikan yang menekankan kesahihan sumber, pengintegrasian dan perubahan disiplin ilmu yang berterusan

(Sumber: Umar et al., 2020)

Berdasarkan falsafahnya, pembangunan DPRK bertujuan menyepadukan skop pendidikan Islam dengan bidang-bidang lain. Melalui DPRK, Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat menerapkan falsafah Rabbani ke seluruh platform pendidikan masyarakat di negeri Kelantan. Selain itu, gagasan DPRK kekal melestarikan konsep UMI yang mendasari DMBI dan MMBI (Umar et al. 2020; Mohamad, Adnan & Yusoff, 2016). Dalam konteks institusi pendidikan, Kerajaan Negeri Kelantan telah mensasarkan KIAS berperanan sebagai perintis model pelaksanaan DPRK di peringkat institusi pengajian tinggi, khususnya di negeri Kelantan (Yaacob Yusoff, 2017).

Sehubungan itu, Menteri Besar Kelantan telah mengamanahkan pelaksanaan DPRK kepada KIAS serentak dengan pelancarannya di peringkat negeri pada 25 Februari 2018. Tuntasnya, mandat yang diamanahkan kepada KIAS memaparkan potensinya dalam merealisasikan agenda DPRK. Secara khusus, KIAS memikul tanggungjawab melahirkan graduan 'Rabbani' yang

berdaya saing dan komited menyumbang kepada agenda pembangunan insan di negeri Kelantan dan selainnya.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini mengemukakan wacana tentang inisiatif pelaksanaan DPRK dalam pembangunan strategik di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Sebagai institusi pengajian tinggi Islam swasta yang bernaung di bawah Kerajaan Negeri Kelantan, KIAS merupakan prospek harapan meneraju pembangunan pendidikan tinggi berteraskan falsafah DPRK. Berasaskan metode analisis kandungan secara tematik, kajian deskriptif ini membincangkan inisiatif penerapan DPRK yang telah diusahakan di KIAS sejak 2018.

Setiap inisiatif yang diwacanakan akan dianalisis berdasarkan prinsip DPRK dan *Malaysian Qualifications Framework 2nd Edition (MQF 2.0)* yang telah diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQAA), 2007. Selain itu, proses analisis berkenaan turut diasosiasi dengan kefahaman daripada perspektif al-Quran dan hadith. Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan memberikan penilaian kritis terhadap beberapa inisiatif KIAS dalam merealisasikan agenda penerapan DPRK di peringkat institusi pengajian tinggi.

4. Model Penerapan DPRK dalam Pembangunan Pendidikan di KIAS

Pada asasnya, manifestasi DPRK di KIAS digerakkan oleh Jawatankuasa Pelaksana DPRK KIAS yang dilancarkan sejurus selepas mandat pelaksanaannya disampaikan oleh Menteri Besar Kelantan pada tahun 2018. Dalam Jawatankuasa DPRK KIAS sebanyak lima kluster telah dibentuk; Kluster Murabbi, Kluster Mahasiswa & Alumni, Kluster Akademik & Pengajaran, Kluster Penyelidikan & Penerbitan, Kluster Jaringan Industri & Masyarakat serta Kluster Urus Tadbir Korporat & Prasarana. Bagi tujuan pengukuhan dan pemetaan instrumen pelaksanaannya, KIAS telah menganjurkan Bengkel Pelaksanaan DPRK KIAS pada tarikh 6-8 Mac 2021.

Berdasarkan pencapaian semasa, strategi pelaksanaan DPRK di KIAS telah dikoordinasi dalam tiga aspek; pembangunan program pengajian, pembangunan kurikulum usrah pelajar dan pengukuhan jaringan komuniti di antara KIAS dan institusi-institusi pendidikan pelbagai peringkat di bawah naungan Kerajaan Negeri Kelantan. Strategi semasa pelaksanaan tersebut boleh difahami sebagaimana Jadual 2.

Jadual 2: Strategi Semasa Pelaksanaan DPRK KIAS

Bil	Strategi	Kluster Pelaksana	Koordinasi Pelaksana Dalam Pengurusan KIAS
1	Pembangunan Program Pengajian	Kluster Akademik & Penerbitan	Bahagian Hal Ehwal Akademik & Penyelidikan, Team Teras OBE, Unit Jaminan Kualiti, Koordinator Program
2	Pembangunan Kurikulum Usrah Pelajar	Kluster Mahasiswa & Alumni	Bahagian Hal ehwal Pelajar & Alumni, Unit Pembangunan Pelajar, Persatuan Mahasiswa KIAS
3	Pengukuhan jaringan komuniti di antara KIAS dan institusi-institusi pendidikan pelbagai peringkat di bawah naungan Kerajaan Negeri Kelantan.	Kluster Akademik & Pengajaran, Kluster Jaringan Industri & Masyarakat,	Unit Kerjasama Akademik,

(Sumber: Analisis Pengkaji, 2022)

Berdasarkan Jadual 2, proses pelaksanaan DPRK di KIAS telah digerakkan secara menyeluruh melibatkan organisasi pelbagai peringkat. Koordinasi pelaksanaan di antara Jawatankuasa pelaksana DPRK dan Pengurusan KIAS didapati berjaya melicinkan usaha pembangunan, penyelarasan dan pemantapan ketiga-tiga strategi berkenaan.

3.1 Penerapan Domain Rabbani dalam Pembangunan Program Pengajian

Secara teknikalnya, inisiatif pembangunan kurikulum berteraskan DPRK di KIAS tertumpu kepada aspek pemantapan hasil pembelajaran (LO) dalam setiap program pengajiannya. Sejak menerima penarafan sebagai Kolej Universiti pada tahun 2021, KIAS telah membangunkan sebanyak lapan program pengajian baharu peringkat sarjana muda, satu program diploma dan dua program asasi. Namun sebagai permulaan, KIAS hanya menerapkan prinsip Rabbani sebagai PLO ke-12 bagi program pengajian peringkat sarjana muda. Senarai program-program pengajian baharu di KIAS yang telah mendapat akreditasi sementara MQA adalah sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Senarai Program Pengajian Baharu yang Ditawarkan di KIAS

Bil	Program Pengajian	No. Rujukan	Tarikh Akreditasi
1	Sarjana Muda Syariah dengan Pengurusan Halal (Kepujian)	MQA/PA15034	06/09/2021
2	Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Kepujian)	MQA/PA15035	06/09/2021
3	Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dengan Pengurusan (Kepujian)	MQA/PA15036	06/09/2021
4	Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Pengurusan (Kepujian)	MQA/PA15038	06/09/2021
5	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Multimedia (Kepujian)	MQA/PA15039	08/10/2021
6	Sarjana Muda Usuluddin dengan Pengurusan (Kepujian)	MQA/PA15070	06/09/2021
7	Sarjana Muda Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (Kepujian)	MQA/PA15071	06/09/2021
8	Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (Kewangan Islam) (Kepujian)	MQA/PA15072	06/09/2021
9	Diploma Teknologi Maklumat	MQA/PA15066	08/10/2021
10	Asasi Pengajian I'Dadi	MQA/PA14518	16/04/2021
11	Asasi Pengurusan Perniagaan	MQA/PA15037	04/10/2021

(Sumber: Laman Web MQA, 2021)

Merujuk Jadual 3, kesemua lapan program pengajian baharu peringkat sarjana muda di KIAS mengandungi penambahan kluster Rabbani dalam LO masing-masing. Proses penerapannya sebagai domain ke-12 bagi Hasil Pembelajaran Program (PLO) telah dirangka pada 23 Disember 2020. Domain berkenaan mengandungi 4 prinsip daripada 9 prinsip DPRK. Sementara itu, 5 prinsip DPRK yang berbaki didapati telah terkandung dalam 11 domain asas yang telah ditetapkan dalam MQF 2.0 (Rohaidi Habil, 2021; Malaysian Qualifications Agency, 2017). Penyataan domain Rabbani yang dipersetujui KIAS adalah sebagaimana berikut:

“Memahami dan melakukan kewajipan (P1) sebagai insan muslim (P3) yang mampu melestarikan ilmu (P9) untuk pembangunan dan pengislahan masyarakat (P6) selaras dengan matlamat dan nilai teras pendidikan Rabbani” (Rohaidi Habil, 2021).

Dalam konteks lebih khusus, KIAS menetapkan penerapan domain Rabbani sebagai LO ke-12 dilaksanakan ke atas subjek-subjek berstatus wajib kolej. Seterusnya, pindaan secara berperingkat akan dilakukan ke atas subjek-subjek kategori lain mengikut keperluan dan kesesuaian program. Sehubungan itu, KIAS juga giat merancang rangka pindaan bagi menerapkan domain Rabbani ke dalam LO program-program pengajian yang telah ditawarkan sebelum penarafan KIAS sebagai Kolej Universiti.

3.2 Pembangunan Kurikulum Usrah Rabbani Mahasiswa KIAS

Selari dengan agenda penerapan DPRK dalam pembangunan program pengajian di KIAS, inisiatif pembangunan program kemahasiswaan KIAS di bawah seliaan bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) turut menerima sentuhan dasar DPRK secara optimum. Antara agenda pentarbiahan utama yang telah dilaksanakan bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) KIAS adalah pelaksanaan usrah pelajar sebagai kursus wajib. Bermula tahun 2011, usrah pelajar yang dinamakan sebagai *Smart Group* (SG) telah digazet secara rasmi sebagai kursus wajib dan menjadi syarat graduasi mahasiswa KIAS. Secara asasnya, kandungan SG telah dibangunkan berasaskan aspirasi Dasar Membangun Bersama Islam (DMBI) (Idris Awang et. al 2018).

Terkini, susulan pelaksanaan DPRK di KIAS, SG telah dimurnikan dan dinamakan sebagai Usrah Rabbani (UR). Secara praktikalnya, UR dilaksanakan dalam kelompok kecil dan dikendalikan oleh *naqib* (fasilitator) yang dipilih daripada kalangan mahasiswa. Bagi tujuan berkenaan, setiap *naqib* terpilih diwajibkan mengikuti Kem Pemerksaan *Nuqabā'* (KPN) pada setiap semester sebelum dibenarkan mengendalikan UR. Secara keseluruhannya, pelaksanaan UR selama 10 minggu pada setiap semester dipantau rapi oleh Unit Pembangunan Pelajar, di bawah bahagian HEPA KIAS dengan dibantu oleh Persatuan Mahasiswa KIAS (PMKIAS).

Merujuk struktur kursus UR, setiap mahasiswa wajib melalui sebanyak empat modul UR, yang disusun dalam empat semester pertama pengajian di KIAS. Sepanjang empat modul UR, para pelajar akan didedahkan dengan kurikulum holistik meliputi pengajian tafsir, hadis, sirah dan fiqh harakah. Kombinasi kurikulum berkenaan adalah sebagaimana Jadual 4.

Jadual 4: Kombinasi Kurikulum Modul Usrah Rabbani KIAS

KURIKULUM / STRUKTUR KURSUS						
BIL	KURSUS USRAH RABBANI	SEM	TAFSIR Jumlah Ayat	HADIS Jumlah Topik	SIRAH Jumlah Topik	FIQH HARAKAH Jumlah Topik
1	Modul 1	1	49	6	4	0
2	Modul 2	2	12	6	3	6
3	Modul 3	3	14	5	5	5
4	Modul 4	4	10	6	4	0
	JUMLAH		85	23	16	11

(Sumber: Modul Usrah Rabbani KIAS, 2018)

Berdasarkan Jadual 4, secara umumnya kombinasi kurikulum yang telah dibina adalah seimbang dan komprehensif bersesuaian dengan keperluan semasa. Walaupun keseluruhan kandungan kurikulum UR mengandungi nilai teras Rabbani yang disenaraikan dalam DPRK, namun pemetaan kandungan modul kepada 9 prinsip DPRK masih belum selesai dimurnikan. Secara

keseluruhannya, pembangunan kurikulum UR di KIAS masih berada di peringkat awal fasa pemodelan berdasarkan sasaran pelaksanaan DPRK peringkat negeri Kelantan.

3.3 Pembangunan Jaringan Institusi Pendidikan Negeri Kelantan

Dalam usaha memperkasakan KIAS sebagai model pelaksana DPRK peringkat pengajian tinggi, Jawatankuasa DPRK KIAS dengan usaha sama Unit Kerjasama Akademik telah mengambil inisiatif memperkukuhkan jaringan komuniti di antara KIAS dan institusi-institusi pendidikan pelbagai peringkat di bawah naungan Kerajaan Negeri Kelantan. Antara inisiatif awal adalah persefahaman dengan Majlis Pengetua Sekolah Menengah Ugama Bantuan Kerajaan (MP SMUABK) bermula 31 Oktober 2019. Namun begitu, persefahaman awal yang telah diusahakan didapati tidak berjaya direalisasikan sehingga ke tahap menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara kedua-dua pihak (Mujiburrahman, 2020). Berdasarkan senarai sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan, terdapat sebanyak 90 buah sekolah peringkat menengah yang berpotensi menyalurkan pelajarinya untuk melanjutkan pengajian ke KIAS. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59 buah sekolah menengah bernaung di bawah MP SMUABK (Yayasan Islam Kelantan, 2022).

Sementara itu, bermula penghujung 2019 KIAS turut mengusahakan pembangunan semula kerjasama dengan Universiti al-Azhar Mesir. Hasilnya, pada 11 Februari 2020 KIAS telah berjaya menyambung semula kolaborasi dengan Universiti al-Azhar. Lepas Diploma Usuluddin, Diploma al-Syariah dan Diploma Bahasa Arab layak menyambung pengajian ke tahun tiga program sarjana muda di Universiti al-Azhar. Manakala, lepas Diploma Tahfiz dan Diploma Tahfiz wal Qiraat layak menyambung pengajian ke tahun 1 Maahad Qiraat Shoubra di Mesir (Education Malaysia Egypt [EME], 2020). Terkini, seramai 26 orang graduan diploma KIAS telah berjaya melanjutkan pengajian ke Universiti al-Azhar, Mesir. Secara keseluruhannya, KIAS komited membina dan mengukuhkan jaringan kerjasama di antara institusi pendidikan pelbagai peringkat mengikut keperluan dan kesesuaian.

4. Perbincangan

Pada asasnya, usaha manifestasi DPRK dalam pembangunan pendidikan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) adalah signifikan. Usaha berkenaan merupakan kesinambungan agenda pembangunan pendidikan yang telah dirangka sejak 22 tahun lalu. Dalam hal ini, asas penubuhan KIAS jelas didasari Dasar Membangun Bersama Islam (DMBI) sejak awal penubuhannya pada tahun 1999 (Mohamad et al. 2016; Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 1995).

Sehubungan itu, pada tahun 1996 keputusan Mesyuarat Lembaga Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) Bil 1/96 telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Kolej Islam bagi negeri Kelantan. Konsep operasinya berorientasikan sistem pengajian tinggi Islam yang holistik dan bersepadu. Aspirasi utama penubuhannya adalah bagi melahirkan insan bertaqwa yang mampu berperanan dalam membangunkan negeri dengan acuan Islam (Kertas Penubuhan Kolej Islam Kelantan, KIAS/Pol/0.1/98/1).

Kemudiannya, aspirasi untuk menubuhkan Kolej Islam negeri Kelantan, telah berjaya diterjemahkan dengan penubuhan KIAS secara rasmi pada 24 Ogos 1999. Gagasan penubuhannya adalah bagi melahirkan insan bertakwa selari dengan aspirasi DMBI dan prinsip UMI. Oleh demikian, KIAS telah menggariskan falsafah dan visi penubuhannya adalah untuk melahirkan generasi al-Quran yang memiliki keunggulan keilmuan dan beriltizam mengamalkannya (Yaakob & Hamat, 2003). Sepanjang 22 tahun beroperasi, KIAS telah berjaya menawarkan sebanyak enam program pengajian secara kolaborasi peringkat sarjana muda dan 26 program pengajian bina sendiri (*homegrown*) peringkat sarjana muda, diploma, asasi dan sijil (Agensi Kelayakan Malaysia, 2021; Idris Awang et. al 2018).

Secara teknikalnya, pembangunan pendidikan di KIAS tertakluk kepada garis panduan MQF 2.0 yang telah diluluskan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQAA) 2007. Secara dasarnya, MQF 2.0 berfungsi sebagai asas jaminan kualiti pendidikan tinggi peringkat nasional dengan berdasarkan tanda aras amalan terbaik peringkat antarabangsa (Malaysian Qualifications Agency, 2017; Tasopoulou & Tsiotras, 2017; Bernhard, 2012).

Justeru, setiap pemberi pendidikan tinggi (PPT) bertanggungjawab mematuhi ketetapan yang telah disenaraikan dalam MQF 2.0. Sehubungan itu juga, MQF 2.0 turut memberikan ruang inovasi kepada setiap PPT bagi memantapkan kualiti pendidikan yang ditawarkan (Malaysian Qualifications Agency, 2017). Berdasarkan pemahaman di atas, inisiatif penerapan DPRK di KIAS merupakan suatu inovasi dalam konteks pembangunan strategik pendidikan peringkat tinggi dan berfungsi sebagai sebahagian indikator tahap kemapanan agenda pembangunan pendidikan di negeri Kelantan.

4.1 Asosiasi Penerapan DPRK dalam Pembangunan Strategik di KIAS

Bermula tahun 2022, KIAS telah menawarkan sebanyak lapan program pengajian baharu peringkat sarjana muda, satu program diploma dan dua program asasi dengan menerapkan prinsip Rabbani sebagai domain ke-12 bagi hasil pembelajaran program (PLO). Terdahulu, KIAS juga telah berjaya menyambung kembali kolaborasi dengan Universiti al-Azhar tahun 2020. Tuntasnya, kedua-dua komitmen berkenaan adalah berteraskan tuntutan P1, P2, P3 & P4 DPRK.

Sementara itu, penerapan domain Rabbani sebagai PLO ke-12 dalam setiap program baharu yang ditawarkan KIAS adalah inovasi berorientasikan P1, P3, P6 & P9 DPRK. Kombinasi usaha strategik berkenaan melambangkan keseriusan komitmen KIAS dalam membangunkan kualiti pendidikan berlandaskan DPRK (Zaman et al. 2022). Justeru, kewujudan PLO berkenaan juga merupakan sebahagian indikator utama kejayaan pelaksanaan DPRK di peringkat Institusi pengajian tinggi (Malaysian Qualifications Agency, 2017; Aziz et al. 2012).

Dalam konteks pembangunan pelajar, KIAS komited melaksanakan pelbagai inisiatif memanifestasi P1, P3, P4, P6 dan P7 DPRK. Inisiatif utamanya adalah penjenamaan semula kursus *Smart Group* (SG) dengan nama Usrah Rabbani (UR). Kurikulum UR dilengkapi kesemua 9 nilai teras Rabbani dan berfungsi sebagai mekanisme pelengkap pelaksanaan LO rabbani. Kaedah pelaksanaan UR yang menggunakan khidmat *nuqaba'* dari kalangan mahasiswa juga merupakan langkah signifikan meningkatkan kemahiran dan penghayatan mahasiswa KIAS terhadap falsafah, visi dan misi (DPRK). Kelancaran proses mobiliti mahasiwa dalam pelaksanaan UR dibantu oleh PMKIAS sebagai sekretariat. Inisiatif ini juga didapati selari dengan aspirasi P3 dan P6 DPRK.

Berasaskan prinsip pembangunan generasi Rabbani, setiap program kemahasiswaan di KIAS telah ditetapkan berorientasikan P3, P7 dan P8 DPRK bagi menjamin kelestarian pembangunan modal insan yang berdaya saing dan bermanfaat kepada ummah dan negara. Berdasarkan konsep modal insan, setiap aktiviti hendaklah dilaksanakan dalam kerangka konsep rabbani (Norasid, M., & Abdullah, M., 2019). Dalam erti kata lain, setiap pertimbangan atau perbuatan dalam kehidupan bermatlamat menjadikan Allah SWT sebagai pedoman dan sumber petunjuk (Sidek Baba, 2006). Sehubungan itu, lingkungan utama amalan yang dinisbahkan kepada Tuhan di bawah konsep rabbani adalah bersifat menyeluruh, meliputi segala pengetahuan, pengabdian dan usaha bermandiri (Zaman et al. 2021; Ismail et al. 2020; Duruzah 1964; al-Qawsī 2006: 24-25).

Tuntasnya, pembangunan modal insan secara holistik perlu mengandungi tiga pendekatan utama; penerapan ilmu bagi memantapkan *Thaqāfah* (pengetahuan), pelaksanaan *Tarbiyyah* bagi membina jati diri dan mengukuhkan keimanan, serta kegiatan *Da'wah* bagi menyebarkan kefahaman Islam dan membentuk kemahiran berorganisasi (Sa'īd Ḥawwā, 1994). Selain itu, al-Ghazālī (1999) menegaskan sifat *mas'ūliyyah* (bertanggungjawab) dan amanah merupakan dua nilai penting yang perlu diterapkan dalam pembentukan jati diri insan. Melaluinya akan lahir sikap *itqān* (ketepatan) dalam setiap amalan individu muslim (Shuhari, M. H., & Hamat, M. F, 2015; al-Ghazālī 1999).

Justeru boleh disimpulkan acuan pembangunan modal insan berlandaskan gagasan DMBI dan prinsip UMI terbukti berjaya melahirkan

generasi berkualiti yang diperlukan masyarakat dan negara (Mohamad. S. & Adnan. M. A., 2017). Kesenambungannya, gagasan DPRK pada hari ini dilihat berpotensi menambah baik kualiti pembangunan modal insan. Secara khusus, KIAS menggalas fungsi dan tanggungjawab penyempurnaan aspirasi berkenaan selari dengan tujuan penubuhannya (Umar et al. 2020; Idris Awang et. al. 2018; Yaacob Yusoff 2017; Rokhman, 2010: 22)

Secara keseluruhannya, komitmen KIAS dalam melahirkan generasi Rabbani perlu dipertahankan melalui pelaksanaan urus tadbir yang amanah dan bertanggungjawab (Idris Awang et. al 2018; Nurul Jannah Nawi, 2018). Justeru, kajian ini melihat persefahaman awal melibatkan KIAS dan MP SMUABK yang telah terhenti pada tahun 2020 perlu disambung kembali bagi merealisasikan agenda pengukuhan aspirasi pembangunan pendidikan Islam di negeri Kelantan sejak tahun 1993 (Umar et al. 2020; I; dris Awang et. al. 2018; Yaacob Yusoff 2017). Selain itu, pengukuhan jaringan kerjasama dalam negeri di antara KIAS dan pelbagai institusi berorientasi pendidikan negeri Kelantan wajar menjadi keutamaan bertepatan dengan P7 DPRK.

Keseluruhan agenda di atas bertepatan dengan hadith yang diriwayatkan al-Bukhārī daripada Ibn ‘Umar RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ» قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ - «وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Terjemahan: “Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya tentang kepemimpinan kamu. Seorang pemimpin yang berkuasa terhadap rakyat akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seseorang lelaki adalah pemimpin ke atas keluarganya. Dia akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seorang wanita adalah pemimpin rumahtangga suami dan anak-anaknya. Dia akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seorang hamba adalah pemimpin ke atas harta kekayaan tuannya yang dipercayakan kepadanya. Dia juga akan ditanya tentang kepemimpinannya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya tentang kepemimpinan kamu”.

[HR al-Bukhārī, *Sahīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Jumu‘ah, Bāb al-Jumu‘ah fi al-Qurā wa al-Muduni*, no. hadith: 893]

Hadith ini menegaskan bahawa menjadi kewajipan dilantik mukmin yang amanah bagi menguruskan urusan ummah. Sekiranya dilantik kepimpinan sebaliknya, maka amanah yang difardukan Allah SWT telah disia-

siakan (Ibn Baṭṭāl 2003, 1:138; al-Qaṣṭalānī 1905, 2: 167). Sehubungan itu, adalah menjadi kewajiban ke atas setiap pemimpin memelihara rakyat di bawah tanggungjawabnya daripada azab neraka berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Taḥrīm, 66: 6 (Ibn Baṭṭāl 2003, 7:296). Oleh demikian, setiap nilai teras, prinsip dan amalan terbaik yang digagaskan dalam DPRK wajar diberikan perhatian serius oleh setiap lapisan kepimpinan bagi memenuhi kewajiban memelihara agama dan ummah.

Sebagai institusi pemberi pendidikan tinggi (PPT) yang berhasrat menerapkan DPRK, KIAS perlu komited melaksanakan agenda berkenaan dengan penuh kesungguhan bagi memenuhi tuntutan agama dan keperluan ummah (Umar et al. 2020; Kamri N 2002:56). Antara lain, Ā'ishah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَمِّمَهُ

Terjemahan: “Allah sangat menyukai mana-mana hambaNya yang bila melakukan sesuatu kerja dilakukannya dengan sungguh-sungguh”

[HR al-Bayhaqī, *Shu'ab al-Īmān, Bāb al-Amanāt wa Ma Yajib Min Adā'ihā ilā Ahlihā*, no. hadith: 4929]

Menjelaskan maksud *itqān*, al-Munāwī (1937, 2:286; 1988, 1:269) menyatakan setiap mukmin akan sentiasa berusaha memperbaiki dan menyempurnakan pekerjaannya sebagaimana dikehendaki Allah SWT. Malah, semakin baik dan sempurna amalan pekerjaan seseorang maka semakin berganda ganjaran kebaikan dikurniakan Allah SWT kepadanya (Ismail et al. 2020; Ibn Kathīr 1998, 8:374). Tuntasnya, penerapan nilai-nilai Islam dalam pembangunan modal insan merupakan inisiatif terbaik bagi mengukuhkan kualitinya (Rokhman, 2010: 22). Secara keseluruhannya, usaha pelaksanaan DPRK di KIAS merupakan rintisan awal pemerksaan pembangunan modal insan berorientasi konsep Rabbani di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia. Meskipun masih di dalam fasa pemodelan, inisiatif KIAS wajar diiktiraf sebagai sebahagian penanda aras kejayaan gagasan DPRK.

5. Kesimpulan

Dasar Membangun Bersama Islam (DMBI) yang digagaskan pada tahun 1990 terbukti berjaya mengubah lanskap pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam konteks pembangunan pendidikan tinggi, penubuhan KIAS pada tahun 1999 menjadi sebahagian bukti kejayaan aspirasi DMBI. Sehubungan itu, inisiatif penerapan DPRK di KIAS pada hari ini wajar dinilai sebagai sebahagian inovasi holistik pembangunan modal insan masa kini. Inisiatif

berkenaan juga memaparkan kelestarian aspirasi yang telah digagaskan dalam dasar MBI dan MMBI.

Secara keseluruhannya, hasil penelitian terhadap usaha manifestasi DPRK dalam pembangunan strategik di KIAS membuktikan potensinya sebagai institusi pengajian tinggi Islam utama di bawah naungan Kerajaan Negeri Kelantan. Prospek harapan yang diletakkan kepada KIAS dalam meneraju pembangunan pendidikan tinggi berteraskan falsafah DPRK adalah signifikan walaupun pencapaian usaha penerapannya pada ketika ini masih di tahap sederhana. Kesimpulannya, orientasi DPRK di KIAS dilihat sesuai menjadi sebahagian indikator kejayaan DPRK, bahkan berupaya menyumbang kepada usaha pembangunan pendidikan holistik dalam melahirkan modal insan yang diperlukan ummah dan negara.

Penghargaan

Manuskrip ini merupakan sebahagian daripada hasil usaha sama penyelidikan Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan DPRK KIAS dengan Unit Penyelidikan Persatuan Alumni KIAS (ALKIAS) di bawah rangka kajian pencapaian agenda pembangunan pendidikan berteraskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan 2020/2021.

Rujukan

- Abdul Halim Mat Diah (1989). *Pendidikan Islam di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ahmad Yakob, “*Perutusan Menteri Besar Kelantan*” (Sambutan Tahun ke-24, Pentadbiran Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan, 21 Oktober 2014).
- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). (2017). *Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2nd Edition*. Laman Web MQA, diakses pada 1 Ogos 2022. <https://www.mqa.gov.my/pv4/mqf.cfm>
- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). (2021). *Senarai Perakuan Akreditasi Sementara KIAS*. Laman Web MQA, diakses pada 1 Ogos 2022. <https://www2.mqa.gov.my/pasp/>
- Al-Bayhaqī, A. B. (2003). *Shu‘ab al-Īmān*. Ed. ‘Abd al-‘Alī ‘Abd al-Ḥamīd. Riyādh: Maktabah al-Rushd.
- Al-Bukhārī, M. I. (2001) *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ed. Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir. T.tp: Dār Tawq al-Najāh.
- Al-Ghazālī, A. H. (1999). *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Fajr Li al-Turāth.
- Aziz, A. A., Yusof, K. M., & Yatim, J. M. (2012). Evaluation of the effectiveness of learning outcomes from students’ perspectives. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 56, 22-30.
- Al-Munāwī, ‘A. R. (1988). *Al-Taysīr bi Sharḥ al-Jām`i al-Ṣaghīr*. Riyadh: Maktabah al-Imām al-Shāfi‘ī.
- Al-Munāwī, ‘A. R. (1937). *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jām`i al-Ṣaghīr*. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā.
- Al-Qasṭālānī, Shihāb al-Dīn. (1905). *Irshād al-sārī li sharḥi ṣaḥīḥ al-bukhārī*. Mesir: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- Al-Qawsī, M. S. (2006). *Dirasāt Fi al-Niẓām al-Khuluqī Bayna al-Islām wa al-Nuẓum al-Waḍ‘iyyah*. Cet. 2. Riyadh: Dār Imām al-D‘awah.

- Bernhard, A. (2012). Quality Assurance in an International Higher Education Area: A summary of a case-study approach and comparative analysis. *Tertiary education and management*, 18(2), 153-169.
- Durūzah M. I. (1964). *Al-Tafsīr al-Ḥadīth (Ḥasb Tartīb al-Nuzūl)*. Kaherah: Dār Iḥyā' al-Turāth.
- Education Malaysia Egypt. (2020). Surat Makluman Kelulusan Jalinan Kerjasama KIAS – Uni. Al-Azhar, Mesir. Kedutaan Besar Malaysia Kaherah.
- Ḥawwā, Sa'īd. (1984). *Iḥyā' al-Rabbāniyyah 5. Al-Ijābāt*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Ibn Baṭṭāl, 'A. K. (2003) *Sharḥu Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Li Ibnī Baṭṭāl*. ed. Yāsir bin Ibrāhīm. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Kathīr, A. F. (1998). Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm. ed. Muḥammad Ḥusayn Shamsuddin. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Idris Awang et. al. (2018). *Kompilasi Dan Analisis Dokumen Penubuhan Dan Perkembangan KIAS*. Kota Bharu: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.
- Idris, N. (1998). *Pengajian tafsir Al-Quran: satu kajian di Maahad Dakwah Wal Imamah, Kelantan* (Disertasi Kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya).
- Ismail, M. S., Siwok, S. R., & KZ, A. R. (2020). The Relationship Between Assertive Behaviour and Islamic Work Ethics Among Support Staff in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* 18(1).
- Jawatankuasa Induk UMI (2020). Manual Pelaksanaan Prinsip UMI, *Program UMI*. Kota Bharu: Perbendaharaan Negeri Kelantan.
- Kamri N. *Nilai dan etika dalam pengurusan Islam* (Disertasi Ijazah Kedoktoran, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). 2002:56.
- KIAS/Pol/0.1/98/1: Kertas Penubuhan Kolej Islam Kelantan, 1998.
- Mohamad, M. D. S., & Adnan, M. A. M., “*Tok Guru Nik Aziz Pencetus Siasah Syariyyah Dalam Sistem Politik Moden*” (Makalah Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 22 & 23 November 2016).
- Mohamad, S., Adnan, M. A. M., & Hussin, S. A. S. (2011). Analisis Pengaruh Politik Islam di Negeri Kelantan Terhadap Gaya Hidup Masyarakat di Malaysia. *Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Zamri Ghazali* 33, 1.
- Mohamad, S., Adnan, M. A. M., & Yusoff, M. A. (2016). Aplikasi Maqasid Syariah dalam pentadbiran kerajaan Kelantan dari tahun 1990 hingga 2013: Satu analisis. *ALBASIRAH JOURNAL*, 6(1), 141-155.
- Mujiburrahman Muhammad Saleh: Laporan Kerja Penyelarasan Persefahaman KIAS dan Majlis Pengetua Sekolah Menengah Ugama Bantuan Kerajaan, 2020.
- Nawi, N. J. B. M. (2018). *Integrasi Dakwah Dan Politik Dalam Pemikiran Serta Aktivitas Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat di Malaysia* (Disertasi Sarjana, Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi UIN Syarif Hidayatullah Jakarta).
- Nik Mat, A. A. (1995). *Kelantan, universiti politik terbuka*. Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah.
- Norasid, M., & Abdullah, M. (2019). Gagasan Pembangunan Modal Insan Rabbani oleh Sa'īd Ḥawwā dalam al-Asās fī al-Tafsīr: Ke Arah Pemerkasaan Kader Dakwah. *Jurnal Usuluddin*, 47, 25-48. doi:10.22452/usuluddin.sp2019no1.2
- Perlembagaan Persatuan Mahasiswa Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, (Pindaan) 2012.
- Ramli, A. K., Rahim, R. A. A., & Jaafar, S. M. J. S. (2014). Transformasi Pengajian Tinggi Aliran Islam Sebagai Asas Pembangunan Modal Insan: Pengalaman Apium (Transformation of Islamic Studies in Higher Education as a Basis for Human Capital Development: The Experience of APIUM). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 6(2), 1-14.

Penerapan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dalam Pembangunan Strategik di Institusi
Pengajian Tinggi Islam Swasta: Satu Kajian Awal di KIAS

- Rohaidi Habil. Kertas Kerja Penambahan Kluster Rabbani Dalam Hasil Pembelajaran (LO) Program Pengajian di KIAS - Team Teras OBE KIAS, 2019.
- Rokhman, W. (2010). The effect of Islamic work ethics on work outcomes. *EJBO-Electronic Journal of Business Ethics and Organization Studies*, 15 (1), 21-27.
- Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Alaf 21
- Shuhari, M. H., & Hamat, M. F. (2015). Nilai-nilai penting individu Muslim menurut al-Ghazali. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 41.
- Tasopoulou, K., & Tsiotras, G. (2017). Benchmarking towards excellence in higher education. *Benchmarking: An International Journal*, Vol. 24 No. 3, pp. 617-634. <https://doi.org/10.1108/BIJ-03-2016-0036>
- Umar, A., Musa, N., Ibrahim, M., Awang, M. H., Som, H. M., Mamat, A., ... & Mohamad, S. (2020). Dokumen Rujukan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.
- Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (1995). *Buletin UPKNK, Keluaran Khas April 1995*. Kota Bharu: UPKNK.
- Wan Nik Wan Yussof (2015). *Legasi Tok Guru: Politik dan Dakwah*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Yaacob Yusoff (2017). Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan, *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia*, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia & Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradiwas University.
- Yaakob, M. N., & Hamat, M. F. (2003). Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS): Analisis dari Sudut Silibus Pengajian. *Jurnal Usuluddin*, 18, 37-58.
- Yayasan Islam Kelantan. (2022). Senarai Sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK). Laman web, di akses pada 1 Ogos 2022. <http://yik.edu.my/aplikasi/yik/sekolah-sekolah-yik>
- Yusuff, N. A., & Abdullah, N. K. N. (2007). Institusi dan Sistem Pendidikan Islam. Suatu Analisa Tahap Perkembangannya Di Kelantan. *Journal of al-Tamaddun*, 2(1), 139-160.
- Zaman, R. K., Nordin, M. K. N. C., & Nasir, K. (2021). Terapi Rabbani Dalam Merawat Masalah Neurosis: Rabbānī Therapy in Treating Neurosis Problem. *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 23(2), 41-74.
- Zaman, R. K., Saleh, M. M., & Hamid, N. S. A. (2022). Manifestasi Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan Dalam Pembangunan Pendidikan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). *Proceedings ICTE 2022 Vol 1.*, 143-152. Kota Bharu: Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu.